

**STPM 2020**

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
KALENDAR PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2020

| PERKARA | PEPERIKSAAN (TAHUN DILAKSANA) | | | | |
|--------------------------------|--------------------------------------|--|---|----------------------------------|--|
| | Semester 1 (2019) | Semester 2 (2020) | Semester 3 (2020) | Ulangan 1 (2020) | Ulangan 2 (2020) |
| Tarikh Pendaftaran Dibuka | 13 Mei 2019 (Semua jenis calon) | | | 6 April 2020 | 10 Ogos 2020 |
| | - | 2 Januari 2020 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja) | - | | |
| | - | 2 Mac 2020 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2019) | - | | |
| Tarikh Pendaftaran Ditutup | 22 Julai 2019 (Semua jenis calon) | | | 12 Jun 2020 | 26 Ogos 2020 |
| | - | 17 Januari 2020 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja) | - | | |
| | - | 3 April 2020 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2019) | - | | |
| Tarikh Ujian Lisan Bahasa Arab | - | - | 29, 30 September & 1, 5, 6, dan 7 Oktober | - | - |
| Tarikh Peperiksaan Bertulis | 14, 18, 19, dan 20 November 2019 | 6, 12, 13, dan 14 Mei 2020 | 3, 4, 5, 9, dan 10 November 2020 | 18, 19, 23, dan 24 November 2020 | 25, 26, dan 30 November 2020 & 1 Disember 2020 |

Kemaskini pada: 17 Oktober 2019 (Semua tarikh tertakluk kepada pindaan)

Nota:

- Semua maklumat yang tertera adalah tertakluk kepada pindaan dan kelulusan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Pendaftaran bagi calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dibuat sekaligus pada Semester 1.
- Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2019 boleh mendaftar pada Semester 2 sebagai calon sekolah swasta atau calon persendirian individu. Calon akan menduduki peperiksaan bertulis bagi Semester 1 dan Semester 2 sekaligus pada Semester 3.
- Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2019 boleh memilih sama ada hendak melaksanakan Kerja Kursus (KK) atau tidak melaksanakannya mengikut pilihan yang berikut:
 - Jika calon memilih untuk tidak melaksanakan KK, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor KK tahun mengulang. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan tidak boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM dua tahun atau lebih selepas menduduki peperiksaan pertama.
 - Jika calon memilih untuk melaksanakan KK yang baharu pada tahun mengulang, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan tidak boleh merayu untuk diambil markah KK STPM tersebut.
(Maklumat lanjut sila rujuk pada Perkara 3 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2020** tentang Pendaftaran Lewat).
- Bagi calon yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding tahun lepas dan tiada markah KK tahun sebelumnya, calon dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan KK. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan KK, calon dikehendaki melaksanakan KK (Maklumat lanjut sila rujuk pada Perkara 3 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2020** tentang Pendaftaran Lewat).
- Permohonan semak semula keputusan dibuka selama 7 hari bermula daripada keputusan peperiksaan Semester 1, Semester 2, dan Semester 3 dimuat naik.
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia di talian **03-61261600 samb. 1661/1662/1663/1664/1665**.

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA, PERSIARAN 1, BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel: 03-61261600 Faksimile: 03-61361488 Portal MPM: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my